

Karya penulis muda Palestin cetus simpati



Penderitaan kanak-kanak Palestin turut diungkapkan dalam Gaza Writes Back.

(FOTO EPA)

» Gaza Writes Back terbit atas keyakinan sastera mampu suarakan penderitaan kepada dunia

Oleh Siti Haliza Yusop
shyusop@bh.com.my

“Seorang warga British pernah meminta maaf kepada saya selepas membaca Gaza Writes Back, ekoran perasaan bersalah terhadap Deklarasi Balfour yang dibuat pada 1917 sehingga membuka laluan penderitaan rakyat Palestin”.

Perisytiharan Balfour ialah surat daripada Setiausaha Luar, United Kingdom (UK), Arthur James Balfour, kepada Baron Rothschild, pemimpin masyarakat Yahudi British selepas Kerajaan Britain menyokong pembentukan negara yang dikhususkan untuk orang Yahudi di bumi Palestin yang kemudian dikenali sebagai Israel.

Pengalaman itu dikongsi penyelenggara antologi cerpen warga Palestin, Gaza Writes Back, Refaat Alareer yang kini berada di negara ini kerana melanjutkan pengajian Ijazah Doktor Falsafah.

Refaat berkata, pembaca itu berasa bersalah di atas penderitaan yang terpaksa dilalui rakyat Palestin, selepas tanah air mereka diserahkan kepada Israel berikutan tindakan British menyokong penubuhan negara Yahudi di Palestin.

“Buku itu dilancarkan di London pada tahun lalu sebagai memperingati ulang tahun kelima kekejaman rejim Israel melalui operasi Cast Lead pada 27 Disember 2008.

“Semua karya dalam Gaza Writes Back berhubung secara

terus dengan pembaca dalam menceritakan penderitaan penduduk Palestin berikutan kekejaman tentera Israel,” katanya kepada Sastera BH selepas pelancaran Gaza Writes Back di Perpustakaan Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Refaat berkata, antologi yang menampilkan 23 cerpen karya 15 penulis yang mengalami dan menyaksikan sendiri kekejaman Israel kepada insan yang mereka sayangi.

Terjemah kekejaman Israel

“Antologi ini bukan semata-mata mengungkapkan kebenaran dan mesej dari sisi rakyat Palestin, bahkan kami mengharapkan impian serta harapan yang kami simpan dalam hati se lama ini, dapat meresap kepada pembaca.

“Kekejaman Israel dan kesengsaraan rakyat Palestin diterjemahkan dalam bentuk tulisan oleh penulis muda kami,” katanya pada majlis yang turut dihadiri penulis Gaza Writes Back, Yousef Aljamal.

Refaat yang turut menyumbangkan tiga karyanya, *On a Drop of Rain, House dan The Old Man and the Stone*, berkata ia bermula ketika beliau mengajar kesusasteraan Inggeris dan penulisan kreatif di Universiti Gaza, beberapa tahun lalu.

“Kesakitan dan kematian memang menguasai Gaza Writes Back, tetapi ia tidak dapat dielakkan apatah lagi generasi kami menyaksikan sendiri kematian demi kematian di depan mata.

“Generasi kami juga banyak menghasilkan karya yang meninggalkan kesan emosi daripada peristiwa itu sehingga mence-

tuskan idea pengumpulan cerpen kerana kami sedar kepentingan kesusasteraan yang dapat membantu menyampaikan penderitaan kami kepada dunia,” kata calon PhD Falsafah Kesusasteraan Inggeris di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Beliau berkata, hasrat menyuarkan jeritan batin kepada dunia menjadi antara faktor antologi itu dihasilkan sepenuhnya dalam bahasa Inggeris berbanding Arab.

Suara tanpa perantara Barat

“Gaza Writes Back ialah cerita daripada suara warga Palestin sendiri tanpa sebarang perantaraan atau terjemahan oleh penterjemah British atau Amerika Syarikat (AS).

“Kami akui banyak pihak yang menyokong kami sudah melakukan usaha yang baik dalam mengisahkan kekejaman Israel kepada Palestin untuk diketahui dunia, tetapi kami turut terpenggil untuk berkongsi sendiri penderitaan itu,” katanya.

Beliau turut berkongsi pengalaman menyunting karya penyumbang termasuk cerpen, *Beneath* karya penulis paling muda dalam Gaza Writes Back, iaitu Rawan Yaghi berusia 19 tahun.

“Saya sebak ketika menyunting cerpen dihasilkan mereka termasuklah Rawan yang menjadi antara contoh kebangkitan penulis muda Gaza apabila menghasilkan karya ketika berusia 17 tahun.

“Saya menggunakan karyanya di universiti dan pelajar teruja membincangkannya tanpa mengetahui penulis karya itu sebenarnya turut belajar bersama mereka,” katanya.



Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu yang disiarkan dalam BH Sastera, boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel bhsastera@bh.com.my.



“Kesakitan dan kematian memang menguasai Gaza Writes Back, tetapi ia tidak dapat dielakkan apatah lagi generasi kami menyaksikan sendiri kematian demi kematian di depan mata”

Refaat Alareer,
Penyelenggara antologi cerpen, Gaza Writes Back